

LATIHAN KATA MAJMUK

NAMA : _____

KELAS : _____

ARAHAN : Isi tempat kosong dengan pilihan kata majmuk yang betul.

nasi lemak	pasar malam	menang tangan	cita rasa	tunjuk ajar
berterima kasih	bertanggungjawab	anak sulung	balai raya	panas terik

Pada hari Sabtu yang lepas, saya berkesempatan menolong ayah di kebunnya. Saya merupakan _____ dan mempunyai dua orang adik iaitu Umar dan Nadhratul. Ayah meminta saya untuk membantunya mengambil daun pisang. Daun pisang tersebut akan digunakan oleh ibu untuk berniaga _____. Ibu berniaga nasi lemak setiap hari dan warung ibu terletak berhampiran dengan _____. Saya berasa amat bersyukur dan _____ kepada Tuhan kerana ramai orang membeli nasi lemak di warung ibu. Semua masakan ibu memenuhi _____ pelanggan yang datang ke warung. Kadang kala, saya melihat ibu tidak _____. Maka, ayahlah yang selalu menolong ibu berniaga. Walaupun cuaca _____ ibu dan ayah tetap gagah berniaga demi mencari rezeki untuk keluarga. Ibu dan ayah sangat _____. Malah, ibu juga turut berniaga di _____ berhampiran dengan rumah yang kami tinggal. Apabila waktu lapang, ibu sering memberi _____ kepada saya tentang resepi membuat nasi lemak yang sedap.